

Melayu sudah berdagang sebelum DEB

Buku kerja Ahmad Jelani beri gambaran, sikap, nilai dalam dunia perniagaan



SALAH satu mitos yang mahu dipecahkan ialah orang Melayu hanya belajar berniaga dengan wujudnya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Secara mudahnya sebelum 1970, Orang Melayu tidak terbabit dalam urusan niaga besar-besaran sebaliknya hanya berniaga kecil-kecilan. Malah banyak menganggap orang Melayu tidak punya minda perniagaan. Maka itu hanya melalui DEB orang Melayu digalakkan dan diberi peluang berniaga.

Dalam rencana 23 November 2003 pada ruangan ini saya menyentuh mengenai minda Melayu dalam perniagaan. Saya menghujahkan bahawa mungkin kerana terlalu lama di bawah penjajahan (446 tahun sejak Portugis menubuhkan Empayar Melaka), orang Melayu terlupa keupayaan mereka dalam bidang urusan niaga. Memang orang Melayu sudah menjadi kaya raya kerana terbabit dalam perniagaan. Dalam kitab *Sejarah Melayu* misalnya, digambarkan bagaimana Bendahara Seri Maharaja yang agaknya tidur berbaringkan harta yang menggunung. Jika tidak masakan beliau boleh memberikan emas 'segenggam seorang perbuat main' kepada anak buahnya. Malah, begitu banyak emas di rumahnya hingga 'dibubuhnya pada segenap pahatan bendul dan pahatan pintu.'

Kita semua percaya, tradisi dagang manusia dalam 'Diaspora Melayu' bukan baru. Namun, orang Melayu Semenanjung hanya sebahagian daripada 'Diaspora Melayu' yang kompleks itu. Diaspora itu termasuk di dalamnya semua suku kaum dengan segala latar belakang dan kepercayaan awal mereka. Memang banyak empayar awal Melayu sebenarnya mempunyai kota pelabuhan yang bersifat kosmopolitan dan menjadi tempat perdagangan yang sibuk. Sama ada Samudera, Pasai atau Melaka dan Majapahit sebelum itu menawarkan kota pelabuhan yang penting.

Untuk menambah kuat hujah ini, kita harus membaca buku Ahmad Jelani Halimi yang berjudul *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka: Abad Ke-15 hingga Abad-18*. Buku yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini membuktikan tradisi dagang orang Melayu di Nusantara sudah begitu berkembang lama sebelum DEB. Malah mengguriakan pelbagai bahan yang boleh dipertanggungjawabkan dari luar negara, ternyata tradisi perniagaan maritim orang Melayu bermula sejak abad awal Masihi lagi.

Sumber China misalnya menyebut mengenai kehadiran kapal dan orang Melayu di pelabuhan China pada abad pertama Masihi. Kapal ini di-

katakan besar, ada yang sampai 50 meter panjang dan membawa kargo yang banyak. Malah dilaporkan ada kapal 'orang Melayu' yang boleh membawa muatan 1,000 orang. Daripada sumber awal ini menyebutkan juga Selat Melakasebagai laluan kritikal bagi pedagang dari China dan India.

Kita harus ingat ekonomi kerajaan dan empayar Melayu di Nusantara ketika itu banyak bergantung pada kegiatan dagang dan perkapalan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Cukai adalah pendapatan paling utama. Malah kemakmuran pelabuhan utama ini memungkinkan menjadi pusat pentadbiran, juga ilmu dan kebudayaan. Bandar pelabuhan ini banyak disinggah (port of call) pelayar dari jauh dan dekat. Malah, apabila pengembara Ibn Batutah sampai ke pelabuhan Samudera pada sekitar tahun 1340, kota itu adalah pusat pentadbiran dan ketamadunan serantau.

Apa yang penting ialah tradisi perkapalan dan perniagaan di pelabuhan Melayu ini bukan saja menarik perhatian pedagang China dan India tetapi juga kuasa maritim Eropah seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan kemudian Inggeris. Nusantara akhirnya menjadi tarikan utama kerana sumber alamnya. Bagi mereka, rantau ini adalah lombong emas yang perlu digali. Pelabuhan Melayu yang menjadi sasaran pedagang dari Timur dan Barat ini termasuk Samudera, Jambi, Pasai, Palembang, Melaka, Aceh, Riau, Ujung Salang, selain pelabuhan di Kedah dan Johor.

Kita tidak boleh memperkecilkan kehebatan pelabuhan Melayu ini. Tome Pires antara lain menganggap Melaka 'adalah sebuah kota yang dilahirkan untuk perdagangan' malah bagi beliau sebagai pelabuhan, Melaka 'lebih baik daripada kota lain di dunia.' Ini satu pengiktirafan luar biasa daripada seorang pencatat Portugis yang terkenal kerana bukunya *Suma Oriental*. Beliau menulis bukan saja mengenai pedagang China dan India di Melaka tetapi dari Parsi, Turki, Turkomans dan Armenia.

Mungkin banyak orang berpendapat kerajaan Melayu ketika itu tidak proaktif dalam mengendalikan urusan dagangannya. Jangan permudahkan pemimpin Melayu pada zaman empayar awal itu. Malah, kitab bertulis orang Melayu yang pertama, sebenarnya adalah kitab mengenai hal ehwal perdagangan dan perkapalan. Wujudnya *Hukum Kahun Melaka, Undang-undang Laut Melaka, Kanun Pahang, Undang-undang Kedah dan Adat Aceh* semuanya adalah dokumen penting yang digunakan untuk tujuan itu.

Undang-undang yang digunakan untuk tujuan ini terbahagi pada undang-undang perahu dan pelayaran dan undang-undang pelabuhan. Sebahagian undang-undang ini terbentuk sejak zaman kerajaan Melayu Melaka dan mungkin mengalami penyesuaian mengikut keperluan se-

masa. Oleh sebab itu ada sekurang-kurangnya 13 versi *Undang-undang taut Melaka* saja. Di pelabuhan pula ada peraturan dan hukum hakam yang tersendiri. Bagi mereka di laut, ada pula undang-undang khusus. Ada adab, peraturan jenayah, hutang piutang dan tugas yang diwujudkan. Dipendekkan cerita, undang-undang ini cukup terancang dan setara dengan undang-undang dagangan laut dan perkapalan di mana-mana di dunia.

Tidak cukup dengan itu, kerajaan Melayu ini mempunyai pentadbiran dan pegawai perdagangan dan pelabuhan yang tersendiri. Orang yang paling penting di pelabuhan tentulah Syahbandar. Mungkin jawatan ini mula wujud di Melaka tetapi konsep dan tanggungjawab yang dikaitkan pada jawatan itu diguna pakai hingga pada zaman moden. Malah di Melaka, kedudukan Syahbandar setara dengan Orang Besar Empat yakni Bendahara, Temenggong, Bendahari dan Syahbandar sendiri.

Apa yang penting ditanyakan ialah seaktif manakah orang Melayu sendiri dalam dunia perniagaan antarabangsa ketika itu. Mungkin benar ada pedagang Melayu yang kaya raya.

Tetapi apakah orang Melayu di Melaka pada keseluruhannya aktif dalam perniagaan atau menjadi pemerhati pada aktiviti perniagaan dan perdagangan yang hebat itu? Atau nama 'pedagang Melayu' digunakan bagi menunjukkan mereka sebenarnya datang dari Kepulauan Melayu yang lain dan tidak semestinya pedagang Melayu Melaka? Atau mungkin juga orang Melayu di tempat lain (Pasai, Samudera, Bugis) jauh lebih aktif dalam bidang perniagaan sedangkan orang Melayu Melaka tidak sedemikian.

Dalam Bab 'Pedagang Melaka', Ahmad Jelani memberikan jawapannya. Beliau berkata, berdasarkan bukti yang diperolehi, 'tidak ramai orang Melayu Melaka menceburi diri dalam perdagangan antarabangsa atau menjadi Usahawan.' Yang aktif mungkin beberapa orang pembesar Melaka ketika itu, Sedihnya orang Melayu Melaka menurut kajian Ahmad Jelani hanya menjadi nelayan, pelaut dan tentera. Jika ada terbabit, hanya dalam perniagaan kecil-kecilan atau menjadi *petty traders*. Tome Pires pula ada menyebutkan mengenai wanita Melayu yang berniaga keeil-kecilan di jalan-jalan, tidak

jauh bezahya dengan peniaga wanita di Kelantan dan Terengganu hari ini.

Berdasarkan kajian Ahmad Jelani lagi jika adapun orang Melayu Melaka yang bijak membuat keuntungan hanyalah dengan membekalkan perkhidmatan kapal atau menyewakan kapal mereka. Selebihnya orang Melayu Melaka hanya menjadi nakhoda dan kelasi untuk pedagang lain. Dipendekkan cerita dalam konteks orang Melayu di Semenanjung, sikap pasif mereka terhadap perniagaan sebenarnya sudah berterusan ratusan tahun. Memang benar mereka memerlukan DEB untuk melonjakkan minda mereka dan menarik minat terhadap perniagaan.

Usaha Ahmad Jelani dalam buku ini seharusnya merangsang pengkaji lain bagi menghasilkan lebih banyak kajian terhadap orang Melayu dan perniagaan di Semenanjung. Ini akan membolehkan kita mendapat gambaran sebenar sikap dan nilai mereka terhadap dunia urusan niaga. Kajian seperti ini juga akan membantu kita memahami 'psyche' Melayu dan minda mereka terhadap perniagaan dan kekayaan.